



I'm not my father - kenyataan Datuk Nurjazlan

Ramai pengundi Pulau tertanya-tanya, kemana perginya Ahli Parlimen Pulau?

Ini kerana setiap majlis yang sepatutnya dihadiri oleh Ahli Parlimen ini hanya diwakili oleh pembantu beliau sahaja. Tindakan sedemikian ini bukan sahaja memperkecilkan pihak penganjur tetapi juga pengundi beliau.

Apabila beliau diajukan dengan soalan-soalan seperti semasa kemelut bapanya dahulu atau apabila ada keuzoran Ketua Cawangan, bapanya akan sering mengunjungi pesakit berkenaan pada bila-bila masa. Nama apa yang lebih terkilan oleh orang Pulau apabila kenyataan seperti "I'm not my father" terkeluar dari mulut sendiri.

Kalau itulah hakikat yang dialami oleh Ahli Parlimen tersebut, tidak segan dan silu lagi kalau banyak cerita-cerita yang lebih menggerunkan akan diketengahkan oleh sebahagian besar orang Pulau sendiri. Jangan harap pekong yang dibuat oleh beliau di Pulau akan dapat dibendung lagi. Kini Umno Pulau bukan sahaja sunyi dan sepi tetapi banyak persoalan yang bakal diterima oleh pemimpin Pulau.

Kalau nak dikatakan orang Melayu hanya masuk politik hanya untuk kepentingan diri sahaja dan bukan untuk perjuangan. Ini cakap pemimpin di Pulau. Tetapi tahukah orang Pulau apakah matalamat Datuk Nurjazlan menjadi Ahli Parlimen? Apakah hanya kerana kesinambungan mewarisi jawatan bapanya atau ada kepentingan lain?

Apa yang orang luar tak tahu tetapi orang Pulau dah tahu lama. Kerana kini Ahli Parlimen Pulau itu macam kacang lupakan kulit maka disini saya ingin mendedahkan apakah sebenarnya yang berlaku di Pulau. Diharap semua orang Pulau dapat menerimanya dengan hati terbuka dan jadikan ianya sebagai iktibar untuk generasi akan datang. Insyallah

Bukan hasrat saya untuk mendedahkan pekong yang masih bernanah di Pulau ini. Rasanya amat malu kerana diluahkan oleh orang Pulau sendiri. Tetapi apakan daya kerana desakkan oleh pengundi Pulau dan kerana pemimpin Pulau masih lagi tidak sedar dan insaf walaupun dinasihatkan oleh mereka yang lebih arif dan berpengalaman.

Pemimpin muda Pulau ketika ini sering mengabaikan soal sosial dan kebajikan pemimpin Pulau veteran yang telah berjuang bersama-sama Tokmat satu ketika dulu. Apa kesilapan Tokmat ketika itu sepatutnya dapat dijadikan iktibar oleh pemimpin muda. Kesilapan besar yang Tokmat lakukan adalah meletakkan tanggungjawab menghadiri majlis kepada "wakil" sahaja. Inilah sahaja silap Tokmat. Jangan hendaknya diwarisi oleh pemimpin akan datang Pulau. Tetapi kini ia telah berlaku dan kehadiran Datuk Nurjazlan hanya diberikan kepada wakilnya seperti Rashid Kasman atau sebagainya.

Semua orang tahu Ahli Parlimen Pulaui ini muda dan kaya raya dengan harta melimpah-limpah dan lagi menjadi Pegawai Eksekutif Celcom. Tak hairan kalau tugas dan tanggungjawab sebagai Wakil Rakyat merupakan perkara remeh-temeh sahaja. Segala percaturan politik dan masalah rakyat dapat dibeli dengan wang ringgit yang boleh disalurkan melalui "along-along" yang dilantik. Tetapi kemana perginya janji dan amanah yang di ikrarkan semasa mahu menjadi Wakil Rakyat?

Semua orang Johor tahu Datuk Nurjazlan mempunyai cita-cita tinggi dalam politik samada untuk menjadi Menteri, Timbalan Menteri atau setidak-tidaknya Setiausaha Parlimen kepada Menteri. Tetapi hasrat beliau ini tidak kesampaian semasa pilihanraya yang lepas. Kekecewaan beliau ini dilemparkan kepada penggundi beliau ketika ini dengan menjauhkan diri dari segala tanggungjawab yang disediakan untuk beliau.

Kempen Wakil Rakyat turun padang hanya sebagai gimik kalau di Pulaui semata-mata hanya untuk mengaburi mata dan telinga penggundi Pulaui. Sehingga kini ramai yang tertanya-tanya kemana perginya wakil rakyat Pulaui. Lama kelamaan cerita wakil rakyat Pulaui tidak lagi kedengaran dan terhakis dari bibir penggundi sendiri. Jangan salahkan penggundi Pulaui kalau masa pilihanraya akan datang tak ada orang pun yang mahukan wakil rakyat sedemikian kecuali hanya segelintir kroni-kroni Umno Pulaui yang hanya hidup bersandarkan kepada rezeki-rezeki yang dilemparkan oleh Ahli Parlimen ini.

Kalau nak cerita tentang keburukan Umno Pulaui dan pemimpin-pemimpinnya, rasanya penulis dah bosan dan mual dengan karenah yang dibuat. Apa kan tidak, Umno kini dalam era perubahan dimana politik menjadi musuh utama tanpa mengira pangkat dan jawatan seseorang itu. Kalau nak tahu, di Pulailah punca politik wang ini bermula. Ia sebenarnya diilhamkan oleh pemimpin-pemimpin Pulaui dulu, kini dan selamanya.

Di Pulaui, wang ringgit tidak menjadi soalnya. Yang penting seseorang itu perlu ada pegangan kepada siapa yang perlu berlindung. Yang pasti wang ringgit itu akan bergolek melalui kroni-kroni atau agen-agen yang dilantik.

Kalau orang nak tahu, Rashid Kasman atau pembantu khas kepada Datuk Nurjazlan merupakan Ketua Agen yang secara terang-terangan menjadi punca berlakunya politik wang. Kalau nak jumpa Datuk Nurjazlan atau Ketua Bahagian, seseorang itu perlu tahu dimana Rashid Kasman. Di Pulaui, bukan mudah nak jumpa Wakil Rakyat. Kalau nak jumpa PM pun rasanya mudah.

Inilah hakikatnya politik di Pulaui. Minta maaf kepada orang Pulaui kalau nak percaya-percayalah. Tetapi adalah lebih baik tanya sendiri dengan orang Pulaui atau bekas pemimpin-pemimpin Pulaui. Semoga dengan pendedahan ini hendaknya ada kesedaran dikalangan pemimpin Pulaui untuk lebih bertanggungjawab didalam memudahkan tanggungjawab kepada penggundi Pulaui.

Presiden UMNO atau Dato' Ghani Othman kenalah pantau-pantau sikit pemimpin Pulaui atau setidak-tidaknya menasihati pemimpin-pemimpin muda supaya tidak melupakan tanggungjawabnya. Bukan apa, kalau Pulaui di kritik yang pasti tempiasnya bakal mengenai Dato' Ghani sendiri.

Berani kerana benar. Dato' Ghani tak perlu bimbang seperti dahulu kerana pergeseran dengan Tokmat. Kini Tokmat dah tiada dan menjadi tanggungjawab BPUNJ untuk menasihati sekiranya ada kelemahan atau kesulitan didalam satu-satu bahagian. Ambil iktibar seperti Dato' Shahrir, semakin popular dan berjawatan semakin rendah diri dan kerap mendampingi rakyat penggundi beliau.

Tidak keterlaluan apabila Dato' Shahrir mengambil alih kawasan BBU, penduduk BBU semakin rapat dengan pemimpin mereka. Ini kerana Ahli Parlimen Johor Bahru tidak akan mewakilkan tugas dan tanggungjawab kepada penggundi kepada wakilnya. Bagaimana yang berlaku di Pulai adalah sebaliknya.

Hakikat ini kena diterima oleh semua pemimpin Pulai. Penulis tidak mahu melagakan antara pemimpin Umno. Bak kata pepatah Melayu, yang baik dijadikan iktibar dab yang tak baik itu jadikan sempadan.

Kini ramai yang hanya memandang dan melihat Ahli Parlimen ini menunaikan tanggungjawabnya. Jangan marah kalau ada lagi maklumat-maklumat yang bakal diketengahkan oleh orang Pulai mengenai Ahli Parlimen tersebut. Biarlah usia muda tetapi pemikiran matang dan lebih mementingkan rakyat dan pengundi yang membuat pilihan. Jangan hanya pandai menghormati ibu/bapa tetapi langsung tak menghormati pengundi.....

Dengar khabar dari pengundi Pulai - kerana kelemahan Ahli Parlimen ini, ada bangunan Umno Cawangan yang tergadai ?

Copyright © 2006 suarajohor.tripod.com. All rights reserved. Last updated
Semua artikel yang disiarkan adalah hasil dari pandangan pembaca yang diterima
untuk dikongsi bersama, diolah/diedit mengikut kesesuaian.